From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STHEM UUM ANJUR BENGKEL PEMANTAPAN PENILAIAN ARTIKEL JETH KE ARAH PENGINDEKSAN SCOPUS DAN MYCITE
Date: Thursday, 17 September, 2026 10:11:57 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

17 SEPTEMBER 2026 / 5 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr Muna Maryam Azmy

STHEM UUM ANJUR BENGKEL PEMANTAPAN PENILAIAN ARTIKEL JETH KE ARAH PENGINDEKSAN SCOPUS DAN MYCITE



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama UUM Press telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Proses Penilaian Artikel Jurnal Event, Tourism and Hospitality Studies bertempat di Bilik Mesyuarat Andaman, STHEM.

Bengkel khas ini dianjurkan sebagai langkah strategik dalam memantapkan kecekapan proses penilaian akademik (peer-review) serta memastikan kualiti manuskrip yang diterbitkan menerusi Journal of Event, Tourism and Hospitality (JETH) memenuhi standard berprestij pangkalan data antarabangsa seperti Scopus dan MyCITE.

Sesi pemantapan ini menampilkan panel penceramah dan pakar penerbitan jemputan iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Aidi Ahmi, Nor Arpizah Atan, dan Che Mohamad Khairul Hakiman Ab Rahman yang berkongsi pelbagai amalan terbaik (best practices), kriteria penilaian berimpak tinggi, serta garis panduan terperinci bagi memperkasakan tatacara penilaian artikel ilmiah.



Ketua Pengarang JETH, Prof. Madya Dr. Rozila Ahmad berkata, penganjuran bengkel ini bukan sahaja memfokuskan kepada penyeragaman kriteria pemarkahan dan rubrik penilaian, malah bagi mempercepatkan proses *peer-review* tanpa menjejaskan kualiti penyelidikan.

Dalam pada itu, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) STHEM, Dr. Norhanim Abdul Razak turut menitikberatkan pelaksanaan strategi yang efektif dalam menghasilkan jurnal berkualiti tinggi. Langkah ini amat penting bagi meningkatkan visibiliti JETH sebagai sebuah jurnal unik yang khusus bertemakan pelancongan, acara dan hospitaliti.

Bengkel yang dihadiri oleh sekitar 20 ahli sidang pengarang serta panel penilai akademik STHEM ini turut mendapat kelulusan dan sokongan penuh daripada Dekan STHEM, Prof. Madya Dr. Kamal Izzuwan Ramli serta Pengarah UUM Press, Prof. Madya Dr. Johan Afendi Ibrahim.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.